04
ISSN: 1985-45 | 04/2016 | OKTOBER-DISEMBER 2016

# BINA

Kementerian Kerja Raya Malaysia



# ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB 2016

www.kkr.gov.my

9 781565 924796

## Menarik di dalam

Jasa Tok Nan Di Kenang (M/S 4)

Perasmian Menara Kerja Raya (M/S 14)

# KANDUNGAN


M/s 3


M/s 5



M/s 7



M/s 11



M/s 14

**BERITA**

3 8 Pakej Pan Borneo Sarawak Di Lancarkan

**MEMORI**

4 Jasa Tok Nan Tetap Di Kenang

**INFRASTRUKTUR**

6 Projek Infrastruktur Kementerian Kerja Raya Di Sarawak

7 Projek Infrastruktur Kementerian Kerja Raya Di Sabah

**MEDIA**

8 Anugerah Media Pembinaan CIDB 2016

**BERITA**

14 Perasmian Menara Kerja Raya

**LENSA**

15 Program, Majlis KKR

**SOSIAL MEDIA**

18 Laporan

**AKHBAR**

19 Keratan Akhbar

# 8 PAKEJ PAN BORNEO SARAWAK DILANCARKAN









MIRI, 18 DISEMBER 2016: Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Najib Razak hadir merasmikan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (8 Pakej Kerja Jajaran ke Miri) di Eastwood Valley Club, Miri bernilai RM12.5 bilion untuk memastikan kelancaran projek mega di Sarawak itu.

Kelapan-lapan pakej sepanjang 602 kilometer itu adalah sebahagian daripada 11 pakej jajaran Lebuhraya Pan Borneo yang dilaksanakan sejak dilancarkan pada 2015.

**Pakej-pakej tersebut adalah seperti berikut:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | Sematan ke Jambatan Sungai Moyan dengan panjang 95 km; | 5 | Jambatan Sungai Kua ke Jambatan Sun gai Arip dengan panjang 64 km; |
| 2 | Persimpangan Pantu ke Batang Skrang dengan panjang 89 km; | 6 | Jambatan Sungai Arip ke Persimpangan Bintulu dengan panjang 65 km; |
| 3 | Batang Skrang ke Jambatan Sungai Awik dengan panjang 68 km; | 7 | Persimpangan Bakun ke Sungai Tangap dengan panjang 77 km; dan |
| 4 | Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor dengan panjang 64 km; | 8 | Persimpangan Sungai Tangap ke Pujut Link Road dengan panjang 80 km. |

Berucap ketika merasmikan pakej itu, Perdana Menteri berkata, jaringan itu adalah sebahagian daripada jarak 1,089 kilometer lebuh raya tanpa tol dibina di Sarawak dengan anggaran kos keseluruhan projek RM16 bilion.

Di majlis sama, turut diadakan majlis penyerahan kontrak perjanjian dan surat kurnia kepada kontraktor dipilih melaksanakan projek itu termasuk kontraktor Bumiputera  Sarawak daripada kelas B hingga F yang mana projek itu memperuntukkan sebahagian kerja kepada mereka seperti pembinaan kawasan rehat, hentian bas dan jejambat pejalan kaki.

# Jasa Tok Nan
## Tetap Dikenang



## Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak: Jasa Tok Nan akan tetap dikenang....

Sumbangan dan jasa besar Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem dalam memacu pembangunan negeri Sarawak akan menyebabkan beliau terus diingati oleh seluruh rakyat Sarawak.Perancangan terhebat Tok Nan ialah mewujudkan Lebuh Raya Pan Borneo yang amat diperlukan oleh penduduk Sarawak dan Sabah.










## Jalan Telok Melano-Sematan Legasi Peninggalan Adenan

Laluan Telok Melano-Sematan (TMS) sepanjang 1,060 km daripada Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak adalah warisan peninggalan Mantan Ketua Menteri Sarawak Allahyarham Tan Sri Adenan Satem.

Rancangan asal ialah untuk membina lebuh raya dari Sematan ke Miri sahaja tetapi atas permintaan Allahyarham Adenan semasa beliau menjadi ketua Menteri, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak meluluskan pakej Laluan Telok Melano membabitkan kos tambahan sebanyak RM580 juta bagi kerajaan.

Sesungguhnya, sumbangan dan jasa beliau dalam menyediakan infrastruktur kepada Rakyat Sarawak terutamanya dengan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo ini amatlah bermakna dan seharusnya dikenang dan dihargai seluruh rakyat dan generasi akan datang.

Inalillahi wa inna ilaihi rojiun. Semoga roh Allayarham Tan Sri Haji Adenan bin Haji Satem (1944-2017) dirahmati Allah. Semoga beliau tenang dan dipermudahkan di sana. Amin. Al-Fatihah.

# PROJEK INFRASTRUKTUR

## KEMENTERIAN KERJA RAYA DI SARAWAK

### 01 JAMBATAN BATANG SADONG, KOTA SAMARAHAN



- Mula dibina pada bulan Julai 2012 dan dibuka kepada orang ramai pada 16 Oktober 2016 dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 18 Disember 2016.
- Memendekkan masa perjalanan dari daerah Asajaya ke daerah Sebuyau.
- Merupakan jambatan terpanjang di Negeri Sarawak dengan kepanjangan 1.48 kilometer.
- Lebar jambatan 11.5 meter dan mempunyai 2 lorong 2 hala.
- Menggantikan perkhidmatan feri sedia ada.



### 02 JAMBATAN SAMARAHAN

- Pelengkap jajaran jalan raya pesisiran pantai
- Dijadualkan siap pada Februari 2018
- Memberi manfaat penjimatan masa perjalanan kepada kira-kira 70,000 penduduk Asajaya yang ingin ke Bandaraya Kuching
- Direkabentuk mengikut piawai terkini British Standard BS5400 dengan panjang 774 meter ini
- Menyediakan laluan 2 lorong 2 hala bagi kenderaan dan juga laluan pejalan kaki

### 03 JEJANTAS KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS) KOTA SAMARAHAN



- Jejantas pertama di negeri Sarawak yang menyediakan kemudahan laluan motorsikal dan pejalan kaki dengan kos bernilai RM4.5 juta
- Mula dibuka kepada orang ramai sejak Ogos 2016
- Lebar laluan pejalan kaki adalah 1.5 meter manakala laluan motorsikal adalah 2.5 meter.
- Sistem pencahayaan menggunakan teknologi solar dan lampu LED
- Mengurangkan risiko kemalangan pada waktu puncak
- Dapat menjimatkan masa dan mengurangkan jarak perjalanan pengguna.

# PROJEK INFRASTRUKTUR

## KEMENTERIAN KERJA RAYA DI SABAH









### PELANCARAN JALAN PINTAS LAHAD DATU PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH

- Dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 19 Disember 2016
- Kos pembinaan sebanyak RM165 juta ini melibatkan kerja- kerja pembinaan jalan raya baharu empat lorong dua hala (dual carriageway) sepanjang 7 km.
- Terdapat juga kerja-kerja pembinaan sebuah jambatan baharu merentasi Sungai Sepagaya sepanjang 32 meter yang mana telah mengambil kira kriteria seismik atau gempa bumi.
- Jajaran yang baharu ini akan bermula dari Batu 6, Jalan Silam dan berakhir di Simpang POIC (Jalan Segama).
- Laluan ini apabila siap kelak, akan memendekkan jarak dan masa perjalanan kepada pengguna dari Tawau ke Sandakan atau Sandakan ke Tawau dari 17 km kepada 7 km sahaja tanpa melalui bandar Lahad Datu
- Projek ini akan membantu memperbaiki jaringan infrastruktur dan logistik bagi industri-industri yang difokuskan di bawah wilayah koridor Sabah Economic and Investment Authority (SEDIA) antaranya seperti Palm Oil Industrial Cluster (POIC) di Lahad Datu.
- Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan oleh Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. (BHP) melalui model Project Delivery Partner (PDP).
- Majlis perasmian turut dihadiri YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia.

# ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB 2016

## 12 NOVEMBER 2016
## HOTEL GRAND HYATT, KOTA KINABALU

### 01 KATEGORI MEDIA CETAK

**Tempat Pertama**
Sardhathisa A/L G.M. James
dan Mary Chin
Daily Express

**Tempat Kedua**
Ardyhansah Amat
Harian Metro

**Tempat Ketiga**
Olivia Jessica Peter
New Straits Times

### 02 KATEGORI MEDIA ELEKTRONIK DAN ONLINE BROADCASTING

**Tempat Pertama**
Serina Olivia Chong,
Nurhisyam Ismail, Roslan
Amat, Norlizawana Idayu
Jamros dan Azlinah Nineng
RTM Sabah

**Tempat Kedua**
Farizie Morinding,
Jepain Gintek,
Juliana Bangot dan
Ezra Jukim
RTM Sabah

**Tempat Ketiga**
Maria Isek, Nurhisyam
Ismail, Aritika Mabnee
dan Ezra Jukim
RTM Sabah

### 03 KATEGORI FOTOGRAFI

**Tempat Pertama**
Malai Rosmah Tuah
New Straits Times


















# MALAM ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN SABAH 2016











# ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB 2016

## 30 SEPTEMBER 2016
## HOTEL HILTON, KUCHING

### 01 KATEGORI MEDIA CETAK

**Tempat Pertama**
Lim Kah Wah
The Borneo Post

**Tempat Kedua**
Rabi'atul 'Adawiyah Ismail
Harian Metro

**Tempat Ketiga**
Hairi Darani
Utusan Sarawak

### 02 KATEGORI MEDIA ELEKTRONIK DAN ONLINE BROADCASTING

**Saguhati**
Iqbal Asraff Mohamad Yusuf
TV Sarawak

### 03 KATEGORI FOTOGRAFI

**Saguhati**
Muhamad Razali Nordin
Bernama


























# MALAM ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN SARAWAK 2016



# ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB 2016

## 12 NOVEMBER 2016
## HOTEL ALOFT, KUALA LUMPUR SENTRAL

### 01 » KATEGORI MEDIA CETAK

**Tempat Pertama**
Mohamad Hafiz Yusoff Bakri, Mohamad Harith, Mohamad Nizar dan Lilis Suriani Omar
Utusan Malaysia

**Tempat Kedua**
Wan Noor Hayati binti Wan Alias
Berita Harian

**Tempat Ketiga**
Sonia A/P A. Ramachandran
Focus Malaysia

### 02 » KATEGORI MEDIA ELEKTRONIK DAN ONLINE BROADCASTING

**Tempat Pertama**
Wan Aliazar Wan Halim
RTM

**Tempat Kedua**
Mohamad Najib Mat Aroff
Astro Awani

**Tempat Ketiga**
Anita binti Abu Hasan
Sinar Harian

### 03 » KATEGORI FOTOGRAFI

**Tempat Pertama**
Mohamed Sairien bin Mohamed Nafis
Harian Metro

**Tempat Kedua**
Lek Kah Meng
Sin Chew Daily

**Tempat Ketiga**
Mohd Faihan bin Mohd Ghani
The Star
















# MALAM ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN KUALA LUMPUR 2016














# PERASMIAN MENARA KERJA RAYA

Menara Kerja Raya telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 7 Disember 2016.

Menara yang diberi penarafan GBI tahap platinum pada 13 Jun 2016 ini menerapkan pembinaan bangunan hijau dari sudut kecekapan tenaga, kecekapan air dan penggunaan bahan mesra alam.

Ia dibina pada ketinggian 175 meter, merangkumi 37 tingkat bangunan beserta dua besmen tempat letak kereta. Menempatkan 1200 pegawai dari 5 cawangan. Ia direkabentuk dengan penuh unik sehingga memberikan pandangan sebuah menara yang melengkung ke atas.

Dari tingkat 31 ke atas, menara ini direkabentuk menggunakan komponen besi yang membentuk empat segi dedaun dan di bawahnya dilengkapi satu ciri unik iaitu 'terrace garden'. Sebuah gondola dipasang di puncak menara bagi tujuan penyelenggaraan. Ia merupakan gondola terpanjang di Malaysia.

Menara ini menerapkan kaedah Industrialised Building System (IBS) bagi mempercepat tempoh pembinaan dan mengurangkan penggantungan kepada tenaga kerja asing. Komponen utama yang menyumbang kepada pematuhan 70% skor IBS menara ini merangkumi sistem dinding, lantai, bumbung dan bukaan pasang siap serta penggunaan bahan yang bersesuaian.








01

01

**Tajuk : Majlis Pecah Tanah Projek Jambatan Baru Kuantan – Tanjung Lumpur, Pahang**

**Tarikh : 1 November 2016**

a) Sesi Lawatan Tapak Projek
b) Gimik Pecah Tanah oleh Tunku Mahkota Pahang







02







02

**Tajuk : Pembukaan Jajaran Central Spine Road: Kg Kechur – Kg Seberang Jelai, Pahang**

**Tarikh : 15 Disember 2016**

a) Majlis pelepasan bersama YBM bersama exco Pahang
b) Pemberian cenderahati kepada pengguna bertuah

03

03

**Tajuk : 2nd IRF Asia Regional Congress & Exhibition**

**Tarikh : 17 Oktober 2016**

a) Gimik pelancaran oleh YBM Kerja Raya disaksikan oleh tetamu kehormat yang lain
b) Lawatan ke salah satu pameran
c) Perasmian pameran oleh YBM









## 04


a



b

**Tajuk : Hari Sukan Negara peringkat KKR**
**Tarikh : 8 Oktober 2016**

a) Acara zumba yang turut dimeriahkan oleh barisan pegawai pengurusan atasan KKR
b) Upacara pelepasan Fun Run oleh Dato' Sri Zohari Akob sempena Hari Sukan Negara

## 05



a


b

**Tajuk : Perasmian Perantisan Kemahiran CIDB**
**Tarikh : 18 Oktober 2016**

a) Penyerahan sijil penghargaan kepada rakan kolaborasi SSAP
b) YBM beramah mesra dengan para peserta program

## 06


a


b



c

**Tajuk : Penyerahan Rumah Kekal Mangsa Banjir Negeri Kelantan**
**Tarikh : 25 November 2016**

a) Sesi menandatangani silij penyerahan disaksikan YBM Kerja Raya
b) Ketibaan YBM Menteri Kerja Raya
c) Acara penyerahan kunci rumah kekal mangsa banjir kepada TKSU KKR

## 07


a

**Tajuk : Latihan Kebakaran Kementerian Kerja Raya**
**Tarikh : 23 November 2016**


b

a) Demonstrasi kebakaran oleh anggota bomba bertugas
b) Pemeriksaan senarai nama oleh kru keselamatan bertugas

## 08


a


b

**Tajuk : Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KKR**
**Tarikh : 25 Oktober 2016**

a) Demontrasi projek oleh peserta disaksikan Dato' Sri KSU
b) Sesi penyampaian sijil penyertaan dan hadiah kepada para pemenang

## 09


a


b

**Tajuk : Hari Inovasi KKR**
**Tarikh : 27 Oktober 2016**

a) Sesi perkongsian ilmu bersama Ustaz Don Daniyal dan Saiful Nang
b) Pameran Inovasi "Selimut Cerun"
c) Taklimat peserta pameran Inovasi dari JKR Johor


c

## FACEBOOK

Bermula 1 Oktober 2016, pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia adalah seramai 19,157




Pada 30 Disember 2016, pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia adalah seramai 20,114




Kenaikan pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia dalam tempoh 3 bulan adalah seramai 957.

## TWITTER

Oktober 2016 terdapat seramai 220 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 243 tweets telah dibuat.




November 2016 terdapat seramai 277 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 147 tweets telah dibuat.







Disember 2016 terdapat seramai 209 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 210 tweets telah dibuat.

# KERATAN AKHBAR


Fadillah diiktiraf Persekutuan Jalan Antarabangsa

Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 08 Oktober 2016


Pasang penghadang beroda di selekoh bahaya

Akhbar : Harian Metro
Tarikh : 18 Ogos 2016


Jambatan Batang Sadong mula dibuka

Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 18 Oktober 2016


CIDB sasar lahir 5,000 perantis

Akhbar : Kosmo
Tarikh : 19 Ogos 2016


CIDB sedia jalin kerjasama erat dengan pengamal media

Akhbar : Kosmo
Tarikh : 20 November 2016


Yakin Duke 2 siap hujung tahun

Dua pajaran kini mencapai kemajuan 91 peratus

Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 21 Ogos 2016


A better future with Pan-Borneo Highway

Akhbar : New Straits Time
Tarikh : 20 November 2016


Pemaju hartanah wajib guna sistem BIM menjelang 2020

Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 18 November 2016


NASIONAL

Lapan pakej Lebuhraya Pan Borneo dilancar

Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 18 Disember 2016

# SIDANG REDAKSI


**Penaung**
YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob
[ Ketua Setiausaha KKR]

**Penasihat**
YBhg Datuk Sarani Bin Dollah
[ Timbalan Ketua Setiausaha
( Pengurusan) KKR]

**Ketua Pengarang**
Pn Noreha Mohd Ripin
[ Ketua Komunikasi Korporat ]

**Pengarang**
Haji Shahnon Mohamad
Fauzi Baharudin
Nur Saila Kamaruddin Nor Zaman
Sagaya Carelene A/P Gomas
Muhammad Faisal Muhammad Zamzuri

**Jurufoto**
En Rosdin Sabni
Cik Hidayatul Sa'adiah Binti Saad
[ Jurufoto Unit Komunikasi
Korporat dan Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya]

**Urusetia**
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

**Rekabentuk / Pencetak**
OMR PRESS SDN BHD
Tel : 03 8024 6396



pro@kkr.gov.my
www.kkr.gov.my
KKR_MALAYSIA

03 8000 8000
Kementerian Kerja Raya Malaysia
@MOWorks
Kementerian Kerja Raya Malaysia